05/06/2002

Mara yakin pelajar Bumiputera tidak terjejas

IPOH, Selasa - Mara yakin pencapaian cemerlang pelajar Bumiputera tidak akan terjejas apabila kuota 10 peratus kemasukan pelajar bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dilaksanakan.

Ketua Pengarah Mara, Datuk Mohd Mydin Mohd Sheriff, berkata ibu bapa dan guru MRSM tidak patut kecewa dengan cadangan itu.

Katanya, mereka perlu bersikap terbuka dan positif kerana ia mungkin mendatangkan kebaikan kepada pelajar Bumiputera apabila sebahagian kecil kuota dibuka kepada kaum lain.

Beliau berkata, memang tidak dinafikan pencapaian pelajar Bumiputera MRSM pada peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) amat memberangsangkan, tetapi mereka mungkin lebih cemerlang jika bersaing dengan kaum lain.

Katanya, ketika bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein menubuhkan MRSM pada 1972, beliau mengarahkan Mara mengambil 10 peratus pelajar bukan Bumiputera luar bandar memasuki maktab berkenaan dan dilaksanakan beberapa tahun.

"Oleh itu, isu pengambilan pelajar bukan Bumiputera ke MRSM bukan perkara baru dan kita akan mematuhi arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya ia diteruskan.

"Saya yakin Kabinet sudah meneliti beberapa fakta sebelum membuat keputusan menyambung semula kuota 10 peratus kaum bukan Bumiputera itui," katanya kepada Berita Harian selepas merasmikan Persidangan Bitara Nasional Kedua Mara, di Hotel Casuarina Parkroyal, di sini malam tadi.

Mohd Mydin berkata, guru mempunyai tugas penting untuk menguatkan semangat pelajar Bumiputera bersaing dengan kaum lain jika sistem kuota itu diteruskan.

(END)